

JKDM, LHDN kerjasama buru golongan liat bayar cukai

UTUSAN 28/11

KOTA BHARU 27 Nov. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bekerjasama bermula hari ini untuk memburu golongan yang lari daripada tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan cukai barang dan perkhidmatan serta cukai pendapatan tertunggak sebanyak RM57 juta.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman dan GST), Datuk Zulkifli Yahya berkata, operasi julung kali yang dinamakan Operasi Mesra Hasil 2016 dengan kekuatan 54 anggota itu akan mengesan pihak berdaftar GST yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 33 Akta GST 2014.

Dalam masa sama, beliau berkata, terdapat 676 syarikat berdaftar GST di negeri ini yang didapati mengeluarkan 1,121 penyata dalam tempoh dua tahun ini tetapi tidak

membuat pembayaran kepada kerajaan.

“Operasi ini turut menyasarkan syarikat-syarikat berdaftar GST tetapi tidak mengeluarkan invois cukai semasa jualan menyebabkan jumlah yang dipungut sebagai akaun GST tidak diakaunkan ke dalam akaun kerajaan.

“Kita juga akan memburu syarikat-syarikat yang sepatutnya berdaftar dengan GST walaupun perolehan perniagaan sudah melepasi RM500,000,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Operasi Mesra Hasil 2016 di pekarangan pejabat JKDM Kelantan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai LHDN, Abdul Manap Dim dan Pengarah Kastam negeri Kelantan, Mohd. Nasir Yusoff.

Sementara itu, Abdul Manap berkata, sempena operasi itu, pihaknya menyasarkan se-

banyak 331 pembayar cukai di negeri ini terdiri daripada syarikat dan individu yang gagal melunaskan tunggakan cukai pendapatan sebanyak RM43 juta.

Beliau berkata, gabungan sebanyak 34 anggota kastam dan 20 pegawai LHDN yang terlibat dalam operasi itu akan berkongsi maklumat dan tenaga sepanjang operasi.

“Individu yang gagal membayar cukai berhadapan dengan tindakan mahkamah dan sekatan perjalanan ke luar negara. Untuk rekod, sebanyak 3,679 individu di negeri ini disekat ke luar negara kerana tunggakan cukai.

“Adalah diharapkan melalui operasi bersepadu ini masyarakat akan lihat betapa serius kedua-dua agensi bekerja dalam memastikan apa jua pungutan cukai untuk negara dapat dipungut seperti sepatutnya,” katanya.



ZULKIFLI YAHYA (tiga dari kanan) dan **Abdul Manap Dim** (empat dari kanan) bersalaman semasa pelancaran Operasi Mesra Hasil 2016 di JKDM Kelantan, Kota Bharu semalam.